

# DSP, Sarjan maut BMW bertembung Pajero

Timbalan Ketua Polis Kuala Krai, anggota polis tersepit dalam kereta mewah. Turut terbunuh seorang wanita warga emas

**KETERUJAAAN** Abdul Wahab Yaacob (gambar kecil) yang baru sebulan dinaik pangkat Deputy Superintendan (DSP) dan dilantik memegang jawatan Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Krai, Kelantan berakhir dengan pegawai polis itu dan rakan setugasnya terbunuh dalam kemalangan di Kilometer 35, Jalan Kota Bharu-Kuala Krai berhampiran Kampung Labok di Machang semalam. Semasa kejadian



pada pukul 1 pagi, Abdul Wahab, 56, dan Sarjan Abd. Kadir Kumin, 48, mati tersepit dalam kereta BMW yang hampir berkecai selepas bertembung dengan kenderaan pacuan empat roda.

Turut terbunuh dalam kemalangan ngeri itu ialah Membunga Mamat, 60, manakala pemandu kenderaan tersebut Mohd. Saari Asmawi, 36, cedera parah. Semasa kemalangan, pegawai dan anggota



KEADAAN BMW dan Pajero yang remuk setelah terbabit dalam kemalangan di Kilometer 35, Jalan Kota Bharu-Kuala Krai, Machang semalam.

polis itu dalam perjalanan ke Kuala Krai atas urusan kerja.



ABD. KADIR



MEMBUNGA

**BERITA LANJUT  
DI MUKA 8**

Turut maut dua yang lain termasuk anggota polis berpangkat Sarjan

# Timbalan Ketua Polis maut nahas

Oleh YATIMIN ABDULLAH  
berita@kosmo.com.my

**MACHANG** - Kegembiraan Deputy Superintendan Abdul Wahab Yaacob yang baru sebulan menyandang jawatan Timbalan Ketua Polis Daerah Kuala Krai tidak berkekalan apabila pegawai polis itu dan rakan setugasnya terbunuh dalam kemalangan di Kilometer 35, Jalan Kota Bharu-Kuala Krai berhampiran Kampung Labok di sini semalam.

Abdul Wahab, 56, dan Sarjan Abd. Kadir Kumin, 48, yang dalam perjalanan dari Kota Bharu ke Kuala Krai maut di tempat kejadian apabila kereta BMW yang mereka naiki hampir berkecai selepas bertembung dengan kenderaan pacuan empat roda jenis Pajero dari arah bertentangan.

Turut terkorban dalam kemalangan pukul 1 pagi itu ialah Membunga Mamat, 60, dari Rancangan Kemajuan Tanah Paloh 1, Gua Musang. Pemandu kenderaan pacuan empat roda yang dinaiki Membunga, Mohd. Saari Asmawi, 36, cedera parah dan dirawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII), Kota Bharu.

Ketiga-tiga mangsa terbunuh di tempat kejadian kerana ma-



ABDUL WAHAB



MEMBUNGA



ABD. KADIR



AYMAN

sing-masing tersepit dalam dua kenderaan yang bertembung.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Jalaluddin Abdul Rahman berkata, jenazah Abdul Wahab yang baru sebulan bertugas di IPD Kuala Krai dihantar ke Taman Segambut, Kuala Lumpur dan dikebumikan semalam.

Allahyarham yang sebelum ini bertugas di bahagian pentadbiran di Ibu Pejabat Kontinjen Polis Kuala Lumpur dengan pangkat Asisten Superintendan meninggalkan isteri, Taharah Mohamed, 51, dan empat orang anak serta seorang cucu.

Menurut beliau, jenazah Abd. Kadir pula dihantar ke Ulu Cheka, Jerantut sebelum dikebumikan di kampungnya. Allahyarham Abd. Kadir meninggalkan isteri dan

enam anak.

Jalaluddin berkata, semasa kejadian, kereta BMW belum diketahui milik siapa dipandu Abd. Kadir dan semasa itu mereka dalam perjalanan ke Kuala Krai kerana ada urusan kerja.

"Polis sedang menyasiat bagaimana kemalangan itu berlaku," kata beliau.

Sementara itu, anak Abdul Wahab, Mohd. Ayman Hakimi, 22, ketika ditemui di rumahnya di Jalan Dutamas Seroja 6, Taman Segambut berkata, ayahnya meninggal dunia pada tarikh genap sebulan bertugas di Kuala Krai.

"Ayah gembira mendapat tawaran bertugas di Kuala Krai dan sebelum berpindah, ayah membaiki rumah teres dua tingkat yang didiami kami sekeluarga di



KEADAAN BMW dan Pajero yang remuk dalam kemalangan berhampiran Kampung Labok, Machang, Kelantan semalam.

Taman Segambut, katanya.

Cerita Ayman, anak ketiga daripada empat beradik itu, kali terakhir dia sekeluarga bertemu dengan arwah dua minggu lalu.

"Ketika itu ayah tidak menunjukkan apa-apa perubahan malah seperti biasa ayah minta saya menjaga ibu dan tidak lewat pulang," katanya.

Dalam pada itu, anak sulung Abd. Kadir, Farid Ikhwan, 21, berkata, dia menerima panggilan pukul 2.30 pagi daripada seorang saudaranya mengenai kemalangan yang menimpa ayahnya.

"Kali terakhir saya bertemu dengan ayah ialah dua minggu lalu ketika ayah pulang bercuti," katanya.

KOSMO 16/6/12 MS7